




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

11 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 579 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 223,810 kes. Sebanyak 12 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kota Belud, Beaufort, Tambunan dan Putatan manakala masing-masing satu (1) kes di Lahad Datu, Keningau, Kudat dan Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 401 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 213,120 orang. Manakala 1,703 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 696 orang di hospital, 978 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 28 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 79 orang merangkumi 73 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 83 (39.71%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Trend peningkatan kes baharu berterusan hari ini dengan pertambahan marginal 6 kes menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan harian Negeri Sabah sebanyak 579 hari ini.
- b. Daerah-daerah yang mencatatkan peningkatan agak tinggi ialah Penampang +20 kes, Tambunan +17 kes, Tawau +14 kes, Sipitang +13 kes, Kota Belud +12 kes dan Tenom +10 kes. Daerah yang mencatatkan penurunan signifikan pula ialah Kota Kinabalu -31 kes, Beaufort -16 kes, Putatan -15 kes dan Kuala Penyu -10 kes.
- c. Secara ringkasan, 12 daerah mencatatkan peningkatan kes, 12 daerah mencatatkan penurunan kes, 3 daerah kekal sebagaimana catatan semalam. Sebanyak 22 daerah mencatatkan kes dibawah paras 40 kes dan 5 daerah mencatatkan kes di atas paras 40 kes, dengan Kota Kinabalu kekal sebagai daerah dengan kes terbanyak iaitu sebanyak 54 kes.
- d. Kes berpunca daripada Saringan Bergejala yang sinonim dengan jangkitan secara sporadik adalah tinggi, dan hari ini 228 kes atau 39.4%. Kes-kes ini seringkali dikaitkan dengan kegagalan individu mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
- e. Jumlah kes jangkitan yang berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu menampakkan pertambahan berbanding sebelumnya. Analisis data harian menunjukkan 358 kes atau 61.8% adalah kes-kes yang berlaku dan didaftarkan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Selebihnya (37.65%) merupakan kes-kes yang didaftarkan antara 2-5 hari setelah keputusan ujian saringan diperolehi termasuk 3 kes daftar lewat melebihi 5 hari.
- f. Jumlah pesakit dalam kategori serius yang memerlukan rawatan di hospital kekal rendah. Hari ini cuma ada 1 orang pesakit dalam Kategori 3, 5 pesakit dalam Kategori 4 dan 1 orang pesakit dalam Kategori 5. Sejumlah 567 kes atau 97.93% daripada 579 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 (76) dan Kategori 2 (491). JKNS masih membuat siasatan lanjut ke atas 5 kes.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (311) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	228	39.38%
3	Kontak	311	53.71%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	40	6.90%
JUMLAH		579	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (10 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 10/11/2021	Catatan Kes 11/11/2021	Perbandingan
1	Penampang	19	39	+20
2	Tambunan	18	35	+17
3	Tawau	5	19	+14
4	Sipitang	3	16	+13
5	Kota Belud	37	49	+12
6	Tenom	21	31	+10
7	Ranau	34	41	+7
8	Tongod	1	8	+7
9	Pitas	14	17	+3
10	Telupid	2	4	+2
11	Semporna	0	2	+2
12	Nabawan	0	1	+1
13	Tuaran	53	53	Mendatar
14	Lahad Datu	14	14	Mendatar
15	Kunak	2	2	Mendatar
16	Kota Kinabalu	85	54	-31
17	Beaufort	60	44	-16
18	Putatan	28	13	-15
19	Kuala Penyu	15	5	-10
20	Kota Marudu	40	32	-8
21	Keningau	25	19	-6
22	Kinabatangan	12	7	-5
23	Beluran	10	5	-5
24	Sandakan	23	20	-3
25	Kudat	19	18	-1
26	Kalabakan	1	0	-1
27	Papar	32	31	-1
JUMLAH		573	579	6

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (28 Oktober – 10 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	24	24	0	6	54	885
Tuaran	0	39	14	0	0	53	555
Kota Belud	0	21	26	0	2	49	671
Beaufort	0	15	28	0	1	44	524
Ranau	0	26	13	0	2	41	594
Penampang	0	17	22	0	0	39	380
Tambunan	0	27	7	0	1	35	288
Kota Marudu	0	21	10	0	1	32	541
Papar	0	18	13	0	0	31	295
Tenom	0	16	10	0	5	31	321
Sandakan	0	9	11	0	0	20	194
Keningau	0	5	12	0	2	19	271
Tawau	0	14	4	0	1	19	234
Kudat	0	2	12	0	4	18	263
Pitas	0	7	4	0	6	17	231
Sipitang	0	14	1	0	1	16	128
Lahad Datu	0	6	6	0	2	14	206
Putatan	0	8	2	0	3	13	193
Tongod	0	7	1	0	0	8	37
Kinabatangan	0	4	1	0	2	7	179
Kuala Penyu	0	4	1	0	0	5	82
Beluran	0	4	1	0	0	5	124
Telupid	0	1	3	0	0	4	137
Kunak	0	1	1	0	0	2	28
Semporna	0	0	1	0	1	2	28
Nabawan	0	1	0	0	0	1	47
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	5
JUMLAH	0	311	228	0	40	579	7,441

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 5,982 unit

- Hospital 1,773 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,719 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 28.47%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 11 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	577
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
Jumlah	579

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	563
Bukan Malaysia	16
Jumlah	579

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	105
Belum Menerima Vaksin	67
Menerima 1 Dos	5
Lengkap 2 Dos	402
Jumlah	579

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1 to 5	44
6 to 11	54
12 to 17	28
18 to 25	75
26 to 59	312
>60	59
Jumlah	579

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 10 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 8,355 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,675 orang adalah penduduk dewasa dan 1,680 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 10 November 2021 adalah seramai 2,432,506 orang. Ini meliputi 2,101,201 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.17% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,368,589 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,071,409 orang atau 75.09% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 331,305 orang atau 76.34% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 297,180 atau 68.47% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **676,507** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,441 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 51 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak dua (2) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 121 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,031 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama/nombor telefon dalam buku pendaftaran.
 - iii Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di Keningau.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 386 Premis Perniagaan melibatkan 218 anggota APM. Sebanyak 23 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 147 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 62 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 87 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Penampang	98.7%
2	Tawau	98.7%
3	Kota Kinabalu	98.7%
4	Sandakan	98.7%
5	Tuaran	98.6%
6	Lahad Datu	98.6%
7	Kinabatangan	98.6%
8	Keningau	98.6%
9	Semporna	98.6%
10	Sipitang	98.6%
11	Tenom	98.6%
12	Kota Marudu	98.6%
13	Papar	98.6%
14	Kudat	98.6%
15	Kota Belud	98.5%
16	Ranau	98.5%
17	Kunak	98.5%
18	Beaufort	98.5%
19	Beluran	98.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II